



KENYATAAN MEDIA OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan **Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 9(2)(a)**, Setiausaha Dewan Rakyat telah mengeluarkan satu **Notis Panggilan Mesyuarat** kepada semua Ahli Dewan Rakyat pada 17 April 2020 yang memaklumkan bahawa **Majlis Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14** akan berlangsung selama **satu hari** iaitu **Isnin, 18 Mei 2020**.

2. Mesyuarat ini akan dimulakan dengan **Istiadat Perasmian Parlimen dan Titah Diraja** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan akan disusuli dengan **Mesyuarat Dewan Rakyat** yang hanya akan membincangkan **Usul Urusan Kerajaan dan Rang Undang-Undang**.

3. Sejak Notis Memanggil Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Dewan Rakyat dikeluarkan pada 17 April 2020, saya telah menerima 4 usul daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

i. Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong (Ahli Parlimen Batu Sapi)

Usul di bawah **Peraturan Mesyuarat 18** daripada Yang Berhormat Batu Sapi bertarikh 1 Mei 2020 yang membangkitkan iaitu:

- a. *Mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat.*
- b. *Mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Ahli Yang Berhormat Langkawi mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat.*
- c. *Majlis Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 yang dijadualkan selama satu (1) hari adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Parlimen berhak mengawal selia tataranya sendiri dan ia adalah tidak terikat dengan mana-mana peraturan terutamanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).*
- d. *Mengemukakan cadangan agar Sidang Dewan Rakyat dilanjutkan daripada satu (1) hari menjadi lapan (8) hari.*

Atas pertimbangan berdasarkan penjelasan yang telah dikemukakan, saya memutuskan agar sebahagian **DITOLAK** dengan alasan usul dikemukakan tidak perlu disegerakan dan sebahagian **DITERIMA** kerana ia perkara tertentu, untuk kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan boleh dibawa ke Mesyuarat Dewan Rakyat kelak.

ii. **Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal (Ahli Parlimen Semporna)**

Usul di bawah **Peraturan Mesyuarat 27 (3)** daripada Yang Berhormat Semporna bertarikh 1 Mei 2020 diterima pada 4 Mei 2020 yang membangkitkan iaitu:

- a. *Membuat ketetapan bahawa Ahli Yang Berhormat Langkawi mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat. Dengan niat tidak bertentangan kepada Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan iaitu Kuasa Melantik seorang Perdana Menteri oleh Yang di-Pertuan Agong, usul ini dizahirkan melalui Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (Parlimen Malaysia) ini sebagai penzahiran akan perkara ini kepada seluruh rakyat dan juga sebagai sembah maklum kepada Yang di-Pertuan Agong/Istana Negara.*

Atas pertimbangan berdasarkan penjelasan yang telah dikemukakan, saya memutuskan agar usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) ini **DITOLAK** kerana usul dikemukakan tidak selari dengan Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan.

iii. **Yang Berhormat Tun Dr Mahathir bin Mohamad (Ahli Parlimen Langkawi)**

Pada 4 Mei 2020, saya telah menerima 2 usul daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Langkawi iaitu satu usul di bawah **Peraturan Mesyuarat 4** yang membangkitkan iaitu:

- a. *Membuat ketetapan bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat Bagi Penggal ini dikekalkan sehingga Dewan yang mulia ini dibubarkan.*


Satu usul di bawah **Peraturan Mesyuarat 27(3)** yang membangkitkan iaitu:

- b. *Mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat.*

Setelah diteliti berdasarkan penjelasan yang dikemukakan, saya memutuskan bahawa usul di bawah **Peraturan Mesyuarat 4** adalah **DITOLAK** kerana tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat. Manakala usul di bawah **Peraturan Mesyuarat 27(3)** **DITERIMA** untuk dibawa ke Mesyuarat Dewan Rakyat kelak.

4. Selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat, saya perlu meneliti dan memastikan segala usul yang dikemukakan hendaklah menepati serta mematuhi peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat yang sedia ada kerana pada hemat saya ia sebahagian daripada keluhuran Undang-undang.

5. Dalam hal ini, apa jua pertimbangan dan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat perlu bersifat adil dan saksama serta menjaga integriti Dewan Rakyat dan Parlimen sentiasa terpelihara.



TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF

Yang di-Pertua Dewan Rakyat

8hb. Mei 2020